

11 JUL 2000

Mahathir-KDNK/I

MAHATHIR: PERTUMBUHAN KDNK SUKU KEDUA SEKITAR 9.0 PERATUS

KUALA LUMPUR, 11 Julai (Bernama) -- Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara untuk suku kedua tahun ini ialah pada sekitar 9.0 peratus, demikian menurut Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Beliau berkata walaupun peratusan itu agak rendah berbanding dengan pertumbuhan suku pertama tahun ini iaitu 11.7 peratus, "ia masih lagi peratusan yang baik."

Ditanya sama ada unjuran pertumbuhan tahunan KDNK iaitu 5.8 peratus akan dikaji semula, Dr Mahathir berkata kemungkinan unjuran itu akan dikekalkan.

"Ada sesetengah pihak mengatakan kita terlalu konservatif," kata beliau pada persidangan media selepas merasmikan Konvensyen dan Pameran Struktur Keluli 2000 di Seri Kembangan dekat sini hari ini.

Menjawab satu soalan, beliau berkata kerajaan tidak akan mengkaji semula penetapan ringgit ke atas dolar Amerika Syarikat (AS) tetapi akan berbuat demikian (mengkaji semula) sekiranya penetapan itu tidak lagi memberi daya saing kepada Malaysia.

"Penetapan kadar ringgit berbanding dolar AS akan dikekalkan sehinggalah kita tiba pada situasi di mana kita tiada langsung daya saing," kata beliau.

Dr Mahathir menegaskan penetapan ringgit (RM3.80 untuk satu dolar AS) banyak membantu negara.

"Tiada siapapun yang terjejas, jadi mengapa kita harus mengkaji semula penetapannya?" soal beliau.

Mengenai pendapat sesetengah pihak yang mengatakan langkah kerajaan menjamin beberapa syarikat tempatan akan memberi kesan dalam tempoh tiga hingga lima tahun, perdana menteri berkata negara-negara seberang laut akan melakukan perkara yang sama sambil menambah mereka (orang-orang asing) ini telah berjaya termasuklah Long Term Capital Management Fund yang berpangkalan di AS.

"Mereka kata tindakan itu baik untuk mereka dan kita hanya mencontohi mereka," tambah beliau.

Ditanya sama ada Belanjawan 2001 merupakan belanjawan lebihan, beliau berkata "mungkin juga (belanjawan lebihan) tetapi ini bergantung kepada bagaimana kerajaan mahu membelanjakannya. Kita fikir kita perlu membelanjakan wang bagi merangsangkan lagi ekonomi."

-- BERNAMA

MOT/FR SHY AA